

Jadi platform terbaik kembangkan kerjasama penyelidikan UMS

Spor tangani isu sawit negara

Oleh HISYAMUDDIN AYUB

utusansabah@utusan.com.my

Um 10.7.18 28

KOTA KINABALU 9 Julai - Usaha Universiti Malaysia Sabah (UMS) menubuhkan Unit Penyelidikan Minyak Sawit Lestari (Spor) bagi membantu meningkatkan lagi pencapaian industri minyak sawit negara dipuji dan dihargai.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Raymond Tan Shu Kiah berkata, kerajaan negeri sangat berbangga dengan usaha tersebut kerana Spor turut mendapat kerjasama pihak swasta termasuk Sawit Kinabalu Sdn. Bhd., Genting Plantations dan Nestle (M) Sdn. Bhd. dalam menjalankan aktiviti penyelidikan.

Beliau yang juga Menteri Pembangunan Perindustrian negeri berkata, penubuhan Spor secara tidak langsung dapat memberi sumbangan kepada kerajaan negeri memandangkan Sabah merupakan salah sebuah negeri pengeluar utama hasil sawit di negara ini.

“Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak terlibat dengan penubuhan Spor terutama kepada Naib Canselor UMS



AHMAD Kushairi Din (dua dari kiri) menyampaikan replika cek kepada Mohd. Harun Abdullah sambil diperhatikan Raymond Tan Shu Kiah (tengah) dalam majlis perasmian penubuhan Spor di Kota Kinabalu, baru-baru ini.

sendiri yang unit ini merupakan inspirasi beliau.

“Harapan saya agar penubuhan Spor akan menjadi satu platform terbaik dalam mengembangkan kerjasama penyelidikan antara UMS dan industri sawit di negara ini ke arah

menangani isu serta cabaran yang berkaitan dengan industri sawit,” katanya ketika berucap merasmikan Spor, di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah; Timbalan Ketua Pengarah

(Penyelidikan) Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dr. Ahmad Kushairi Din dan Dekan Sekolah Sains serta Teknologi UMS, Prof. Madya Dr. Baba Musta.

Mengulas lanjut Shu Kiah berkata, selain mampu meningkatkan pro-

duktiviti, menghasilkan input berguna dan pencapaian lebih signifikan, penubuhan Spor juga dilihat dapat membantu menangani cabaran yang dihadapi oleh sektor tersebut.

Katanya, isu meningkatkan produktiviti sama dengan jumlah keluasan tanah yang sering ditimbulkan oleh pihak tertentu, diyakini dapat diatasi sebaik mungkin dengan Spor.

Selain itu, beliau berkata, perhatian serius dan kajian daripada Spor diharap dapat membantu kerajaan negeri menangani isu pencemaran daripada sisa industri, ancaman terhadap hidupan liar dan masalah penularan penyakit dalam tanaman kelapa sawit.

Menurutnya, kerajaan memandangkan serius perkembangan industri kelapa sawit kerana disenaraikan di bawah Program Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA) bagi meningkatkan ekonomi negara.

Sehubungan itu, beliau percaya usaha menubuhkan Spor akan memastikan dan mengekalkan kedudukan Sabah sebagai negeri di barisan hadapan dalam industri yang penting itu.